



ANTARA kanak-kanak terlibat bersama-sama menjamu makanan yang disediakan.

KARMA jalankan peranan untuk Sekolah LINUS

UB 5.11.2017 B5

KELAB Sastera Mahasiswa (KARMA) sekali lagi mengadakan 'Dapur Masyarakat' dengan kerjasama Pertubuhan Kebajikan Anak Leluhur Nusantara Negeri Sabah (PERKALAS) dan gerakan Suara Mahasiswa.

Dapur Masyarakat ini diadakan bertujuan menyediakan makanan kepada anak didik bermula seawal jam 10 pagi di Rumah Panggi Tuaran pada 22 Oktober.

Di samping itu diselitkan juga 'Pembelajaran Pendidikan' kepada anak-anak terlibat.

Kerjasama untuk menyediakan dapur masyarakat mahasiswa ini membuktikan bahawa sesuatu program itu akan berjalan dengan lancar dan berjaya melaksanakannya bagi memberikan bantuan kesukarelawanan untuk memasak bagi murid-murid Sekolah LINUS di Rumah Panggi, Tuaran.

Ahli KARMA UMS telah membuat pembelajaran

kepada murid-murid Sekolah LINUS untuk melanjutkan pembelajaran yang telah dijalankan pada ahad minggu yang lalu. Pada hari ini, sebagai permulaan perbelajaran modul, murid-murid telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan.

Dalam kumpulan itu disertakan dengan pengajar yang juga ahli Kelab KARMA sendiri. Setiap kumpulan, mereka akan bermain permainan yang senang difahami oleh anak-anak .

Permainan ini akan menarik minat anak-anak tersebut untuk terus melibatkan diri dalam menjayakan pendidikan di kalangan masyarakat yang ingin dilaksanakan bagi mencapai objektif Kelab KARMA dari segi 'Kesenian, Keintelektual dan Kemasyarakatan.'

Di samping itu , anak-anak ini juga diterapkan dengan cara berkomunikasi antara satu sama lain.

Bagi Nurul Ain Alwani Milus, salah seorang pengajar

yang menuntut di UMS, segelintir murid dari Sekolah LINUS tidak mendapat pendidikan yang sepatutnya. Malah, ada di antara mereka mengikut ibu bapa bekerja, seharusnya seawal usia anak-anak ini harus diberikan pendidikan seperti kanak-kanak lain.

"Namun, kekangan dari segi wang terutamanya yang dihadapi oleh keluarga mereka tidak mengizinkan mereka menikmati ertiaya belajar.

"Daripada riak wajah murid Sekolah LINUS telah menggambarkan keseronokan bersekolah dan menyentuh hati saya untuk menyatakan bahawa Sekolah LINUS mesti diperkasakan bukan sahaja di daerah Tuaran malah di seluruh Malaysia terutamanya negeri Sabah," katanya.

Program keintelektual seperti ini telah disokong oleh saudara Ishak yang juga memperjuangkan pendidikan dalam program 'Teach For The Needs' di Semporna.

-Artikel Sumbangan Yeyen Khoo